


NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY



Jil. 16
Bil. 12

8hb Jun, 1972

TAMBAHAN No. 8
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 14.

ORDINAN PERBANDARAN

(N.N.S. Bab 133)

UNDANG² KECHIL KERJA² (PEMBINAAN) JALAN BARU MAJLIS BANDAR
RAYA, 1971

BAHAWASA-NYA pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh seksyen 58 (1) (g) Ordinan Perbandaran, Majlis Bandar Raya, Pulau Pinang di-meshuarat khas-nya yang bersidang pada 10hb November, 1970 telah meluluskan Undang²-kechil Kerja² (Pembinaan) Jalan Baru Majlis Bandar Raya Pulau Pinang 1971.

N.N.S.
Bab 133.

Dan bahawasa-nya mengikut seksyen 58 (4) Ordinan Perbandaran Undang²-kechil tersebut telah di-siarkan di-dalam *Warta Kerajaan* Negeri Pulau Pinang sa-belum ia-nya di-sahkan dan di-luluskan melalui Pemberitahu *Warta Kerajaan* No. 196 tahun 1971 pada 2hb September, 1971.

Oleh itu maka sekarang ini pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh seksyen 58 (4) Ordinan Perbandaran, Pehak Berkuasa Negeri, Pulau Pinang dengan ini mempersahkan dan meluluskan Undang²-kechil berikut:

1. Undang²-kechil ini boleh-lah di-namakan sabagai Undang²-kechil Kerja² (Pembinaan) Jalan Baru Majlis Bandar Raya 1971.

BAHAGIAN I

TAFSIRAN

2. Dalam Undang² Kechil ini melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain:

"Majlis" erti-nya Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang;

Majlis.

"jalan baru" termasuk penyambong jalan yang ada sekarang atau pelebaran atau perubahan sabarang jalan yang ada sekarang atau penyesuaian jalan yang di-bina untuk becha atau untuk lalu lintas ber-jalan kaki sahaja atau lalu lintas kereta;

Jalan Baru.

Jalan. "jalan" termasuk sabarang jalan, medan, siarkaki, laluan, samada ia-nya jalan terus atau tidak, di-mana orang 'awam mempunyai hak lalu-lalang, dan juga jalan di-atas sabarang jambatan umum, dan juga termasuk sabarang jalan, siarkaki atau laluan, halaman terbuka atau lorong terbuka, yang di-gunakan atau yang bertujuan untuk di-gunakan sebagai jalan keluar masuk bagi dua buah rumah atau lebih, samada orang 'awam mempunyai hak lalu lintas di-atas-nya atau tidak, dan semua saloran², parit² dan longkang² di-tepi sabarang jalan hendak-lah di-sifatkan sebagai sabahagian dari jalan itu;

Lebar. "lebar" apabila di-gunakan untuk jalan baru, berma'ana seluroh ruangan yang bertujuan untuk di-gunakan, atau di-bina supaya di-gunakan, sebagai laluan 'awam, termasuk parit², dan di-ukor dari sudut tepat dengan hala atau arah jalan sa-demikian atau hala/arah yang di-maksudkan bagi jalan sa-demikian.

BAHAGIAN II

JALAN², SIARKAKI², TEPIAN² DAN SALIRAN AYER DI-PERMUKAAN JALAN

3. Tiap² orang yang membina jalan baru hendak-lah:
- (1) menanggungkan semua kerja sa-hingga memuaskan Jurutera Bandaraya dan mendapat perlulusan-nya;
 - (2) menyediakan parit² kongkerit terbuka yang mempunyai saiz² yang menchukupi di-kedua² belah jalan itu dalam kawasan simpanan jalan. Parit² sa-demikian hendak-lah di-sambongkan ka-parit² 'awam yang biasa-nya di-selenggarakan oleh Majlis;
 - (3) menyediakan semua jambatan², pembedong² atau parit² yang bertutup yang perlu, di-jalan²/driveway, siarkaki², tepian² atau lain² tempat yang memerlukan pembinaan sa-demikian;
 - (4) membinakan jalan², siarkaki² dan tepian²;
 - (5) menyediakan bebendul² jalan di-sapanjang² bahagian² jalan yang lurus dan di-bahagian yang melengkong, di-simpang² jalan², bebendul² itu hendak-lah mempunyai ukoran jejari yang chukup;
 - (6) menyediakan parit² kumbang (scupper drains) sebagai yang di-arahkan oleh Jurutera Bandaraya;
 - (7) menyediakan lorang² seperti di-arahkan oleh Jurutera Bandaraya di-mana pembedong² atau parit² tertutup di-bina;
 - (8) menyediakan gegelok² sebagai di-perlukan oleh Jurutera Bandaraya;
 - (9) menyediakan tempat² untuk membelok kereta² di-jalan mati.

BAHAGIAN III

SALIRAN AYER DI-PERMUKAAN JALAN

4. Tiap² orang yang membina atau menyebabkan supaya di-bina sabarang parit atau pembedong yang bertujuan atau yang di-sesuaikan untuk menerima ayer dari permukaan jalan, hendak-lah menurut keperluan² yang berikut di-mana² yang sesuai:

- Rekabentuk.
- (1) Tiap² parit atau pembedong hendak-lah mempunyai saiz yang menchukupi untuk memuatkan kadaralir bagi kawasan saliran ini, dan kiraan² butiran untuk kadaralir² itu hendak-lah di-kemukakan jika di-perlu oleh Jurutera Bandaraya.
- Pembinaan Parit Terbuka.
- (2) (a) Parit hendak-lah di-binakan dari invert² parit kongkerit tuang-dulu dengan 'cast-in-situ concrete side slopes' satebal 6" atau bahagian² kongkerit tuangdulu ka-atas asas kongkerit yang sesuai yang semua-nya di-pasang menurut ukoran² dan butir² yang di-tunjokkan dalam Lukisan² Jenis Jurutera Bandaraya.

- (b) Parit sa-demikian hendak-lah di-tupangkan dan di-pertahan- Cherun.
kan dengan sempurna-nya dari kerosakan; di-bina dengan
kechondongan yang sempurna pada garis yang selari dengan
garis tengah jalan itu dan pada cherun yang rata dan di-
sediakan dengan sambongan² yang kedap ayer. Biasa-nya,
cherun² itu hendak-lah tidak lebeh dari 1 dalam 14 atau
kurang dari 1 dalam 220 bagi invert² 9", lebeh dari 1 dalam
16 atau kurang dari 1 dalam 300 bagi invert² 12"; lebeh
dari 1 dalam 24 atau kurang dari 1 dalam 500 bagi invert²
15"; lebeh dari 1 dalam 32 atau kurang dari 1 dalam 550
bagi invert² 18"; lebeh dari 1 dalam 36 atau kurang dari
1 dalam 800 bagi invert² 24".
- (c) Ukordalam bagi sabarang parit yang di-bina di-bawah aras Ukordalam
pinggir jalan itu hendak-lah tidak kurang dari 15". Minima bagi
Parit.
- (d) Saiz minima bagi invert parit hendak-lah berukuran 9". Saiz Minima
bagi Parit.
- (e) Jika sa-sabuah parit hendak di-bina di-kaki sa-sabuah ben- Parit2 di-kaki
teng, papak kongkerit tuang-dulu atau tunam batu hendak- Benteng2.
lah di-pasang atas asas kongkerit yang sesuai menurut
ukuran² dan butir² seperti yang di-tunjuk dalam Lukisan
Tetap. Jurutera Bandaraya. Papak atau tunam itu hendak-
lah sampai sa-tinggi 3 kaki (minima) dari bahagian atas
tepi² parit.
- (f) Lubangtepi, 4" empatsegi, hendak-lah di-sediakan ka-tepi² Lubangtepi.
parit dengan sela² yang tidak melebihi 20 kaki sakira-nya
di-perlukan oleh Jurutera Bandaraya.
- (3) (a) Pembetong hendak-lah di-bina dari paip² kongkerit tetulang Pembinaan
tugas berat yang di-pasang di-atas tapak kongkerit dan di- Pembetong
tahan dengan kongkerit menurut dimensa² dan butir² yang Paip.
di-tunjuk dalam Lukisan² Jenis Jurutera Bandaraya.
- (b) Pembetong² sa-demikian hendak-lah di-lindungi dan di- Cherun.
pertahankan dengan sempurna-nya dari kerosakan; di-pasang
menurut kechondongan yang sempurna, mengikut baris²
yang lurus ka-cherun yang bertimbangan dan di-sediakan
dengan sambongan² kedap ayer. Biasa-nya, cherun² itu
hendak-lah tidak kurang dari 1 dalam 350 atau tidak lebeh
dari 1 dalam 25 bagi pembetong² yang mempunyai garisan
pusat 18"; tidak kurang dari 1 dalam 700 atau lebeh dari
1 dalam 50 bagi pembetong yang mempunyai garisan pusat
24"; tidak kurang dari 1 dalam 1,000 atau lebeh dari 1
dalam 80 bagi pembetong yang mempunyai garisan pusat
30" dan tidak kurang dari 1 dalam 1,200 atau lebeh dari 1
dalam 100 bagi pembetong yang mempunyai garisan pusat
36". Cherun² maksima dan minima yang di-benarkan bagi
pembetong² yang mempunyai garisan pusat yang melebihi
36" hendak-lah di-tentukan oleh Jurutera Bandaraya.
- (c) Pembetong hendak-lah mempunyai saiz yang sesuai supaya Garisan Pusat
dapat membawa kadaralir dari kawasan saliran yang ber- Minima bagi
kenaan itu. Saiz minima yang di-benarkan ia-lah garisan Pembetong.
pusat 12".
- (d) Mana² bahagian sabarang pembetong tidak boleh di-pasang Pembetong2
di-bawah sabarang bangunan. di-bawah
bangunan².
- (e) Di-mana ukordalam tudong di-atas pembetong² ada-lah Ukordalam
kurang dari 18", pembetong itu hendak-lah di-kepong dengan tudong dari
kongkerit tidak kurang dari 6" tebal-nya. penibetong².
- (f) Tembok² sayap di-mana perlu dan tembok² atas hendak-lah Tembok2
di-sediakan di-kedua² penghujung pembetong. Tembok² Atas dan
sayap dan tembok² atas ini hendak-lah di-bina dari batubata Tembok2
atau kongkerit yang tegoh, menurut ukuran² dan keperluan² Sayap.
yang di-tunjuk dalam Lukisan² Tetap, Jurutera Bandaraya.

Pambetong²
di-jalan masok
ka-'Driveways'.

(g) Lintasan di-jalan masok ka-'driveways' di-atas parit hendak-lah di-adakan dengan menyusunkan papak² kongkerit tuang-dulu yang terletak atas tembok² landas yang tersendiri menurut ukoran dan butir² yang di-tunjuk dalam Lukisan² Tetap, Jurutera Bandaraya.

Mengambuskan
Korekan².

(4) Bahan yang hendak di-gunakan untuk mengambuskan korekan² hendak-lah dari tanah yang baik, yang tidak mempunyai jirim tumbuh²an dan batu² besar dan hendak-lah di-kukuhkan dengan sempurna-nya.

Lorang².

(5) Lorang² bersama² dengan tudong² lorang atau 'gratings' keluli (tentuletak atau boleh di-ubah) dan bingkai² dan tangga² besi jika di-perlukan oleh Jurutera Bandaraya hendak-lah menurut ukoran² dan butir² seperti yang di-tunjuk dalam Lukisan² Tetap, Jurutera Bandaraya.

BAHAGIAN IV JALAN² DAN TEPIAN²

5. Tiap² orang yang membina atau menyebabkan di-bina sabarang jalan hendak-lah menurut keperluan² yang berikut:

Korekan
ka-Asas Dasar.

(1) Korekan hendak-lah di-jalankan ka-dasar jalan untuk meratakan turun² (falls) dan cherun² dan korekan tambahan untuk membuang bahan² yang lembek atau 'spongy' atau tanah tumbuh²an di-lapis bawah hendak-lah di-jalankan sabagaimana yang perlu. Ini hendak-lah di-teruskan sa-hingga semua tanah² yang tidak sesuai di-buangkan. Kawasan² yang di-korek sa-demikian hendak-lah di-timbus dengan bahan² pepasir keras hingga ka-aras dasar jalan.

Memejalkan
dasar jalan.

(2) Dasar keseluruh-nya hendak-lah di-pejalkan dengan mengguna-pengelek 6 tan untuk membetulkan garisan, aras dan kember.

Lebar untuk
Tepian.

(3) Bahagian antara tepi jalan dan siarkaki hendak-lah di-jadikan tepian.

Benteng².

(4) Semua benteng² bagi jalan² hendak-lah di-gredkan serata menjadi cherun yang tidak kurang dari 1 ufuk ka-1 pugak. Untuk menchegeh hakisan, rumput hendak-lah di-tanam di-benteng² ini.

Asas².

(5) Bahagian asas itu hendak-lah sabagaimana yang di-arahkan oleh Jurutera Bandaraya dan akan di-bina dari:

(i) tunaman gagang sa-tebal 7" dan 9" hendak-lah di-pasang dengan meletakkan batu² belok yang mempunyai saiz namaan 6" hingga 9" menurut jenis kerja yang hendak di-lakukan. Ini hendak-lah di-lakukan dengan tangan dan permukaan yang lebar sekali hendak-lah di-tiarapkan. Chelah² antara batu² belok hendak-lah di-padatkan dengan pechahan² batu yang lebih kecil (spalls) yang akan di-basahkan dan di-hentakkan ka-dalam chelah² ini. Asas itu akan di-gelekkkan dengan pengelek yang mempunyai berat tidak kurang dari 10 tan. Sa-lepas ini permukaan ini akan di-litupi dengan batu² pechah tolok 2" dan di-liput-kan pula dengan 'quarry waste' atau lapisan asas. Asas seluruh-nya hendak-lah di-gelek sa-hingga chukup kukoh dan permukaan hendak-lah mengikut cherun, kamber atau 'crossfall' dan aras; atau

(ii) batu pechah (crusher run or broken stone) dengan saiz namaan maksima 3" hendak-lah di-taborkan sa-chara dua lapisan sa-tebal 6" hingga 9". Lapisan ini hendak-lah di-liputi oleh batu pechah dengan saiz namaan maksima 3"; di-buntukan dengan 'quarry waste' atau lapisan asas (hardcore); di-basahkan dengan ayer dan di-perkukuhkan dengan pengelek 10 tan.

- (6) Lapisan asas hendak-lah terdiri dari 'premixed bitumen macadam' dengan saiz namaan $1\frac{1}{2}$ " yang di-sediakan menurut penentuan Jurutera Bandaraya dan di-taborkan oleh mesin supaya tidak kurang dari 2" tebal dan di-perkukuhkan dengan penggelek 6 tan. Lapisan Asas (Base Course).
- (7) Lapis haus hendak-lah terdiri dari 'premix bitumen macadam' dengan saiz namaan $\frac{3}{4}$ " atau 'cold fine asphalt' yang di-sediakan menurut penentuan Jurutera Bandaraya. Lapis Haus.
- (8) Kamber atau 'Crossfall' hendak-lah di-gredkan menjadi cherun 1 dalam 40 dari garis tengah menuju ka-tepi atau dari tepi sebelah menuju ka-tepi yang lain. Kamber atau "Crossfall".
- (9) Tepian² hendak-lah di-bina dari tanah tumbuh²an sa-hingga aras 5" tinggi dari tepi² jalan. Tepian² ini hendak-lah mempunyai cherun membujur yang sama seperti jalan. Cherun mereka hendak-lah 1 dalam 40 dari tepi jalan menuju ka-parit². Rumpit² yang di-luluskan hendak-lah di-tanam dengan rapatnya di-atas tepian² ini. Rumpit² ini hendak-lah di-gelek dengan penggelek ringan. Tepian².
- (10) Cherun maksima bagi jalan² tidak boleh melebihi 1 dalam 15 melainkan dengan kebenaran khas dari Majlis. Cherun Maksima bagi Jalan².
- (11) Sendeng hendak-lah 1:40 bagi lengkung² 800 kaki dan lebih, 1:30 bagi lengkung² 600 kaki, dan 1:25 bagi lengkung² 500 kaki. Sendeng.
- (12) Salor² kongkerit tuang-dulu hendak-lah di-pasangkan di-pinggir jalan atas dasar kongkerit 4" tebal dan menurut dimensa dan butir² yang di-tunjuk dalam Lukisan² Jenis Jurutera. Salor² hendak-lah di-sediakan.
- (13) Di-salingan jalan, "splays" hendak-lah di-bina seperti di-tentukan oleh Jurutera Bandaraya asalkan semua kerja² berada dalam bidang simpanan jalan.

6. (1) Melainkan susuk² jalan yang di-tunjuk dalam Pelan² Bandaran Yang Di-Luluskan atau yang di-luluskan di-bawah peruntukan² Ordinan Perbandaran (Bab 133), tiap² jalan baru hendak-lah di-susuk dan di-binakan supaya sa-panjang jalan itu, atau bahagian-nya dengan sabarang jalan sambongan atau jalan sambongan baru yang di-chadangkan. Lebar Jalan.

- (i) melebihi satu ribu kaki, lebar-nya hendak-lah enam puloh enam kaki sakurang²-nya;
- (ii) kurang dari satu ribu kaki, lebar-nya hendak-lah 50 kaki sakurang²-nya.

Melainkan sakira-nya jalan baru sa-demikian dengan sabarang jalan sambongan atau jalan sambongan baru yang di-chadangkan bukan-lah jalan utama, Majlis boleh, menurut budibichara-nya meluluskan susuk dan pembinaan jalan sa-demikian.

- (a) yang lebar-nya tidak kurang dari lima puloh kaki tidak kira panjang-nya;
- (b) yang lebar-nya tidak kurang dari empat puloh kaki, sakira-nya jalan sa-demikian tidak melebihi satu ribu kaki melainkan tembok utama tiap² bangunan dalam jalan sa-demikian tidak kurang dari empat puloh kaki dari tengah jalan sa-demikian; atau
- (c) yang lebar-nya tidak kurang dari tiga puloh tiga kaki sakira-nya jalan sa-demikian tidak melebihi satu ribu kaki panjang-nya dan sakira-nya tembok utama tiap² bangunan dalam jalan sa-demikian ada-lah tidak kurang dari tiga puloh kaki jauh-nya dari tengah jalan sa-demikian dan bangunan² yang hanya akan di-gunakan sabagai rumah² kediaman di-bina atau akan di-bina di-sabelah jalan sa-demikian dan bangunan di-sabelah yang lain jalan itu tidak di-benarkan atau mustahil.

(2) Peruntukan jalan susur tidak kurang dari tiga puluh tiga kaki lebar hendaklah di-binakan sakira-nya Majlis menganggap-nya perlu.

(3) Tiap² jalan baru hendaklah di-binakan supaya sakira-nya jalan itu di-perlukan.

(a) sa-lebar enam puluh enam kaki, jalan itu hendaklah dua puluh lima kaki lebar sakurang²-nya;

(b) sa-lebar lima puluh kaki, jalan itu hendaklah dua puluh lima kaki lebar sakurang²-nya;

(c) sa-lebar empat puluh kaki atau tiga puluh tiga kaki jalan itu hendaklah dua puluh dua kaki lebar sakurang²-nya.

Jalan mati.

(4) Garispusat hujung jalan mati hendaklah tidak kurang dari 50 kaki dan jalan yang akan di-binakan hendaklah mempunyai garispusat yang tidak kurang dari 40 kaki. Kawasan yang di-sempadankan oleh garis² lurus yang melengkongkan bulatan 50 kaki boleh di-terima.

Pembinaan Jambatan.

7. Jambatan² hendaklah di-reka dan di-bina menurut Penentuan Pi-awaian² British yang terbaharu dan menurut keperluan² Jurutera Bandaraya. Butir² hitungan binaan, pelan² dan keratan² bersama-sama dengan hitungan² lepasan seperti dalam Undang² Kechil 4 (1) hendaklah di-kemukakan untuk perlulusan.

BAHAGIAN V

SIARKAKI²

8. Sa-saorang yang membina atau menyebabkan di-bina sabarang siarkaki akan mematohi keperluan² yang berikut:

Pembinaan Siarkaki.

(1) Siarkaki itu hendaklah di-bina di-tepi jalan dan muka depan bebendul jalan hendaklah menjadi sempadan antara jalan dan siarkaki melainkan di-arah oleh Jurutera Bandaraya.

Cherun.

(2) Cherun membujur siarkaki hendaklah sama dengan jalan yang bersabelahan.

"Crossfall".

(3) Siarkaki hendaklah mempunyai 'even crossfall' 1 dalam 40 dari belakang menuju jalan melainkan sakira di-arah oleh Jurutera Bandaraya.

Lebar Minima.

(4) Lebar Minima hendaklah 7 kaki. Lebar di-bahagian atas bebendul jalan hendaklah di-anggapkan sebagai sa-bahagian dari siarkaki.

Bilangan Siarkaki.

(5) Melainkan pengecualian di-benarkan oleh Majlis, dua siarkaki hendaklah di-sediakan, satu di-sabelah jalan.

Bebendul² Jalan dan "Kerbing".

(6) Bebendul² jalan hendaklah di-bina dari kongkerit tuang-dulu yang chukup kuat dan hendaklah di-pasang menurut cherun yang serata, baris dan paras atas lapisan kongkerit 16" lebar dan 4" tebal. Bebendul² jalan ini hendaklah di-tahan atas permukaan bawah dengan kongkerit sa-hingga tidak kurang dari 4" di-bawah bahagian atas bebendul jalan. Semua bebendul² jalan hendaklah di-sambongkan dengan simen mortar dan hendaklah mematohi dalam semua perkara dimensa² dan butir² yang di-tunjok dalam Lukisan² Jenis Jurutera Bandaraya.

Tinggi-nya "Kerbing".

(7) Dimensa² namaan bagi bebendul² jalan hendaklah 10" tinggi dan antara 4" hingga 5" tebal dan hendaklah 2 kaki atau 3 kaki panjang.

(8) Tinggi-nya kerbing di-atas salor (melainkan di-mana saloran ada-lah perlu untuk kenderaan² atau yang lain-nya) hendaklah tidak kurang dari 3" di-bahagian tinggi sakali salor itu dan tidak lebeh dari 7" di-bahagian rendah sakali. Bagi lintasan²

kenderaan, bebendul² jalan hendak-lah di-pasang rata sa-tinggi 1½" atas salor menurut dimensa² dan butir² yang di-tunjuk dalam Lukisan², Jenis Jurutera Bandaraya.

- (9) 'Kerbing' dengan jejari minima 25 kaki atau jejari yang lebih sakira di-perlukan oleh Jurutera Bandaraya hendak-lah di-pasangkan di-tiap² liku jalan atau silangan. Jejari
"Kerbing".
- (10) Saliran jalan² melalui siarkaki hendak-lah di-jalankan dengan 'scupper drains' yang bergarispusat 9". 'Scupper drains' hendak-lah di-bina menurut dimensa² dan butir² yang di-tunjuk dalam Lukisan² Jenis Jurutera Bandaraya. "Scupper
Drains".
- (11) Gegelok² dengan parut² keluli yang tetap atau yang boleh di-ubah dan bingkai² hendak-lah di-peruntukkan menurut dimensa² dan butir² yang di-tunjuk dalam Lukisan² Jenis Jurutera Bandaraya sebagai di-kehendaki oleh Jurutera Bandaraya. Gegelok².
- (12) Asas siarkaki² hendak-lah terdiri dari lapisan batu pechah dengan saiz namaan maksima sa-banyak 2½" atau lapisan asas atau "quarry waste" yang di-turapkan menurut cherun, garis dan paras dan hendak-lah di-kukuhkan sa-tebal 3" dengan penggelek 2 tan dan di-liputi oleh pasir atau "quarry dust" sa-tebal ½". Asas
Siarkaki²
dan Lorong
Belakang.
- (13) Permukaan hendak-lah terdiri dari papak² kongkerit tuang-dulu sa-tebal 2" dengan saiz lebih kurang 2' x 3' dan di-sambungkan dengan mortar dan di-lekatkan ka-gegili. Permukaan
Siarkaki.

BAHAGIAN VI

NOTIS² DAN PELAN²

9. Tiap² orang yang ingin membinakan jalan baru hendak-lah menurut keperluan² yang berikut:

- (1) Ia hendak-lah memberi notis sa-chara bertulis mengenai tujuan sa-demikian kepada Jurutera Bandaraya, sa-belum memulakan sabarang kerja² sa-demikian. Notis
Keinginan
membina
jalan.
- (2) Ia juga hendak-lah menghantar kepada Jurutera Bandaraya satu pelan tapak yang di-perakui oleh Ketua Juru Ukur yang menunjokkan lot² yang bersempadankan jalan baru itu. Pelan
Tapak Yang
Di-Perakui.
- (3) Ia juga hendak-lah menghantar kepada Jurutera Bandaraya pelan dan mukakeratan membujur dan mukakeratan lentang jalan itu dengan sekil tidak kurang dari satu inchi bagi tiap² empat puloh kaki untuk arah ufuk-nya dan satu inchi bagi tiap² empat kaki untuk arah pugak-nya bagi pelan dan mukakeratan membujur, dan satu inchi bagi tiap² lapan kaki untuk arah ufuk-nya dan arah pugak-nya. Pelan sa-demikian hendak-lah— Kelayakan²
orang²
yang boleh
mengemukakan
pelan²,
peryediaan
pelan²
 - (a) di-sediakan dan di-tandatangani oleh orang yang telah berdaftar dengan Majlis. Pendaftaran sa-demikian boleh di-berikan kepada sa-saorang "Corporate Member (kejuruteraan awam) of the Institution of Engineers (Malaysia)" atau sa-orang "Jurutera Yang Berdaftar" yang menunjokkan bukti mengenai pengalaman praktikal dalam kerja² yang di-liputi oleh Undang² Kechil ini sa-hingga memuaskan Jurutera Bandaraya. Pendaftaran sa-demikian boleh-lah di-batalkan pada bila² masa menurut budibichara mutlak Majlis dengan syarat bagi orang² yang mana pelan² mereka telah di-terima oleh Majlis sa-belum tarikh perlaksanaan Undang²-kechil ini, Majlis boleh-lah, bagi

tempoh sa-hingga berkuatkuasa-nya Akta Pendaftaran Jurutera², 1967, mendaftarkan orang² ini buat sementara waktu dengan shārat² atau peratoran² yang di-fikirkan sesuai².

(b) di-kemukakan dalam tiga salinan, satu salinan hendak-lah di-buat atas linen sureh;

(c) di-tandatangani oleh orang yang mengemukakan pelan atau ejen-nya yang di-beri kuasa.

Kandongan
Pelan².

(4) Ia hendak-lah menunjok atas pelan itu semua butir² (bukan butir² yang lebeh sesuai di-beri atas mukakeratan²) yang perlu untuk menunjokkan samada jalan itu mematohi sabarang Undang² Kechil mengenai-nya, termasuk—

(a) nama pemilek² tanah yang di-dudoki oleh jalan itu dan tanah² di-kedua-dua belah jalan itu;

(b) nama dan alamat orang yang ingin membinakan jalan;

(c) nama jalan itu, jika ada;

(d) mata² kompas;

(e) panjang, lebar, dan paras jalan itu;

(f) garisan bangunan yang ada sekarang atau yang di-chadangkan di-kedua-dua belah jalan itu;

(g) kedudukan jalan itu bersangkutan dengan jalan² yang dekat sekali yang ada sekarang;

(h) peruntukan yang bertujuan untuk melarikan ayer permukaan dari jalan itu;

(i) angkerap (mode) yang di-chadangkan untuk pembinaan itu.

Kandongan²
Muka-
keratan².

(5) Ia hendak-lah menunjokkan atas mukakeratan² semua butir² (bukan butir² yang lebeh sesuai di-beri atas pelan itu) yang perlu untuk menunjokkan samada jalan itu mematohi sabarang Undang² Kechil mengenai-nya, termasuk—

(a) paras² permukaan bumi di-mana jalan itu akan lalu. Ini hendak-lah di-ambil dari Municipal Datum;

(b) paras² tanah yang bersempadankan kedua-dua belah jalan itu dan, sa-jauh mana yang perlu dan yang praktikal, paras² yang di-chadangkan bagi tapak² bangunan di-kedua-dua belah jalan itu;

(c) paras² dan kadar² kechondongan jalan;

(d) paras² dan kadar² kechondongan sabarang jalan yang di-chadangkan atau jalan yang ada sekarang, yang mana di-chadangkan untuk berhubung dengan jalan itu sa-jauh mana yang perlu supaya menunjokkan paras² dan kadar² kechondongan di-mana jalan baru akan berhubung dengan jalan² yang di-chadangkan atau jalan² yang ada sekarang;

(e) semua paras² hendak-lah berkaitan dengan Batu Aras Jabatan Ukor dan hendak-lah seperti pelan² yang di-tunjuk.

(6) Jalan², siarkaki², parit² dan pembetong² yang di-chadangkan hendak-lah di-tunjuk dengan warna merah dan jalan² siarkaki², parit dan pembetong² yang ada sekarang hendak-lah di-tunjuk dengan warna hitam.